

Royal Preferred Banking



# Tower Investment

Principal protected currency investment



Make it happen™

## Tower Investment

Tower Investment offers a higher than market return under certain circumstances. It offers the investor a chance to profit from exchange rate expectations (e.g. stable exchange rates) by offering a significantly higher return than a normal deposit if the expectations prove to be correct, but a lower return if not. The principal is guaranteed at 100%.

## Tower Investment

Tower Investment menawarkan pulangan lebih tinggi berbanding pasaran dalam hal keadaan tertentu. Produk ini memberi peluang kepada pelabur untuk meraih keuntungan daripada jangkaan kadar pertukaran (misalnya kadar pertukaran stabil) dengan menawarkan pulangan yang jauh lebih tinggi berbanding deposit biasa jika jangkaan tersebut adalah tepat, tetapi pulangan yang lebih rendah diberikan sekiranya jangkaan tersebut tidak tepat. Jumlah prinsipal dijamin 100%.

The Tower Investment is an investment product that offers a higher than market return if a particular exchange rate remains within a predefined bandwidth and a lower than market return if it moves outside these range.

The investor decides upon the term of the deposit and the ranges within which he expects the exchange rate to remain for the term. Agreement is then reached on the minimum and maximum rate. The minimum rate is normally set to the lowest acceptable to the client; it can be as low as 0% for the 100% principal guaranteed variant. However, The Bank also reserves the right to pre-determine the guaranteed minimum rate from time to time. The maximum rate will depend on the range width and the tenor.

### Benefits

- The 100% notional guaranteed Tower Investment offers the chance of a higher return on deposits, while maintaining a guaranteed principal.
- The possibility to choose for a different guaranteed percentage gives the possibility to widen the range and to increase the maximum effective yield.
- The Tower Investment has no conversion risk.
- The Tower Investment offers the client the possibility of profiting from his view on a currency pair via a higher yield, if his currency view proves to be correct.
- The investor decides the parameters of the product. For example, he can set the FX range and tenor. These parameters will then determine the last remaining variable i.e. client rate.

Tower Investment adalah produk pelaburan yang menawarkan pulangan lebih tinggi berbanding pasaran jika kadar pertukaran tertentu kekal dalam lebar jalur yang ditetapkan terdahulu dan pulangan lebih rendah berbanding pasaran jika kadar tersebut bergerak di luar julat ini.

Pelabur memutuskan tempoh deposit dan julat kadar pertukaran dijangka tidak terubah bagi tempoh tersebut. Persetujuan kemudian dicapai tentang kadar minima dan kadar maksima. Kadar minima lazimnya ditetapkan pada tahap paling rendah yang boleh diterima oleh pelanggan; kadar ini mungkin serendah 0% bagi varian prinsipal terjamin 100%. Namun, Bank juga merizab hak untuk menentukan terlebih dahulu kadar minima terjamin dari masa ke semasa. Kadar maksima bergantung kepada lebar julat dan tempoh.

### Manfaat

- Tower Investment yang dijamin nosional 100% menawarkan peluang mendapatkan pulangan lebih tinggi ke atas deposit, dan pada masa yang sama mengekalkan jumlah prinsipal terjamin.
- Kemungkinan memilih peratusan terjamin yang berbeza-beza membolehkan julat diperluaskan dan menambah kadar hasil berkesan yang maksimum.
- Tower Investment tidak mempunyai risiko pertukaran.
- Tower Investment menawarkan pelanggan kemungkinan meraih keuntungan daripada pendapatnya tentang pasangan mata wang melalui kadar hasil lebih tinggi, jika pendapatnya tentang mata wang adalah tepat.
- Pelabur memutuskan parameter produk. Misalnya, pelabur dapat menetapkan julat dan tempoh FX. Parameter ini kemudiannya akan menentukan pemboleh ubah terakhir iaitu kadar pelanggan.

### Basic Parameters

- Minimum Investment Amount for Tower Deposit is RM250,000 or equivalent.
- The tenor is from 2 weeks to 1 month.
- The Bank will pay the Investment Amount and the Interest Amount in the Investment Currency.

### How Does It Work?

The following examples are purely hypothetical and are not a forecast or indication of any expectation or performance. They are included for illustrative purposes only, and do not reflect a complete analysis of all possible gain and loss scenarios that may arise in respect of the Investment.

### Parameter Asas


- Jumlah pelaburan minima bagi Tower Deposit adalah RM250,000 atau amoun yang bersamaan.
- Tempoh adalah dari 2 minggu hingga 1 bulan.
- Bank akan membayar Jumlah Pelaburan dan Amaun Pembayaran Faedah dalam Mata Wang Pelaburan.

### Bagaimana Pengiraan Dibuat?

Contoh berikut adalah semata-mata hipotesis dan bukanlah ramalan atau petunjuk tentang sebarang jangkaan atau prestasi. Contoh ini dimasukkan bagi tujuan ilustrasi sahaja, dan tidak mencerminkan analisis lengkap tentang semua senario keuntungan dan kerugian yang mungkin berbangkit terhadap Pelaburan tersebut.

Reference Asset / Aset Rujukan	GBP/AUD
Spot Rate / Kadar Lani	2.20
High Trigger / Penggerak Tinggi	2.25
Low Trigger / Penggerak Rendah	2.10
Minimum Yield / Kada Hasil Minima	1% per annum / setahun
Maximum Yield / Kadar Hasil Maksima	8% per annum / setahun
Investment Amount / Jumlah Pelaburan	GBP 500,000
Principal Protection / Perlindungan Prinsipal	100%
Tenor / Tempoh	1 month / bulan
Investment Currency / Mata Wang Pelaburan	GBP

### Tower Investment



#### Example 1

At the Valuation Time on the Valuation Date:

#### High Return

Customer will receive 8.00% p.a of the Investment Amount if the GBP/AUD spot rate remains between, and not including, 2.10 and 2.25 at any time during the reference period.

#### What is the amount to be repaid?

The Bank will pay the Investment Amount and the Interest Amount in the Investment Currency.

$$\begin{aligned} \text{Redemption Amount (GBP)} &= \text{GBP } 500,000 + (\text{GBP } 500,000 \times 8\% \times 30/365) \\ &= \text{GBP } 503,287.67 \end{aligned}$$

#### What is the overall return?

In all cases where the Bank pays the Interest Amount and the Investment Amount in the Investment Currency, the investment return will be equal to the interest rate of the Investment, which in this example is 8% per annum.

#### Contoh 1

Pada Masa Penilaian pada Tarikh Penilaian:

#### Pulangan Tinggi

Pelanggan akan menerima 8% setahun daripada Jumlah Pelaburan jika kadar lani GBP/AUD kekal antara, dan tidak termasuk, 2.10 dan 2.25 sepanjang tempoh rujukan.

#### Apakah jumlah yang perlu dibayar balik?

Bank akan membayar Jumlah Pelaburan dan Jumlah Faedah dalam Mata Wang Pelaburan.

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Penebusan (GBP)} &= \text{GBP } 500,000 + (\text{GBP } 500,000 \times 8\% \times 30/365) \\ &= \text{GBP } 503,287.67 \end{aligned}$$

#### Apakah pulangan keseluruhan?

Dalam semua kes di mana Bank membayar Jumlah Faedah dan Jumlah Pelaburan dalam Mata Wang Pelaburan, pulangan pelaburan adalah bersamaan dengan kadar faedah Pelaburan, yang dalam contoh ini adalah 8% setahun.

## Example 2

### Low Return

Customer will receive minimum yield of 1% p.a. of the Investment Amount if GBP/AUD spot rate reaches and trades at or below 2.10 or at or above 2.25 at any time during the reference period.

### What is the amount to be repaid?

The Bank will pay the Investment Amount and the Interest Amount in the Investment Currency.

Redemption Amount (GBP)

$$= \text{GBP } 500,000 + (\text{GBP } 500,000 \times 1\% \times 30/365)$$

$$= \text{GBP } 500,821.92$$

### What is the overall return?

In all cases where the Bank pays the Interest Amount and the Investment Amount in the Investment Currency, the investment return will be equal to the interest rate of the Investment, which in this example is 1% per annum.

### Suitability

The Investment may be suitable for investors who:

- have a view as to certain exchange rate movements and would like to take advantage of it.
- are comfortable making an investment with unpredictable interest payments which could result in you receiving a rate of interest that is less than that which would otherwise be applicable to a time deposit.
- are willing to maintain the Investment till the Investment Maturity Date. Early withdrawal is not allowed.
- are comfortable investing in a short term investment that is affected by short term market fluctuations.

### Risk Factors

The possible risk factors involved are as below:

- Unpredictable Rate of Return.
- The performance of the Investment is linked to the performance of exchange rates such as the Reference Asset. Exchange rates are sensitive to national economic, political issues of the constituent countries, international events and speculative trading in currencies.
- The interest rate received by you may be potentially less than the prevailing time deposit interest rate if the minimum yield is paid out.
- are not transferable and no secondary market exists for them.

### Disclaimer:

This product fact sheet is not a recommendation or investment advice, and appears for information purposes only, while the information given is believed to be reliable. The Royal Bank of Scotland (formerly known as ABN AMRO Bank Berhad) (301932-A) (the Bank) cannot guarantee its accuracy or completeness, and accepts no responsibilities whatsoever (including any loss suffered by any company or other person) resulting from any company or other person trading on its basis. No rights can be gained from this publication. There are risks involved in this product.

This document is published for information only and does not take into consideration market conditions, specific investment objectives of any specific person who may receive this document. You should determine if a Tower Investment fits with your financial goals, risk appetite and personal situation. You must make your own financial assessment of the relevance, accuracy and adequacy of the information provided in this publication together with such independent investigation as you may consider necessary or appropriate for the purpose of such assessment.

You may wish to seek advice from a licensed or an exempt financial adviser before making a commitment to purchase this product. In the event that you choose not to seek advice from a licensed or an exempt financial advisor, you should carefully consider if this product is suitable for you.

## Contoh 2

### Pulangan Rendah

Pelanggan akan menerima kadar hasil minima sebanyak 1% setahun daripada Jumlah Pelaburan jika kadar lani GBP/AUD mencapai dan didagangkan pada atau kurang daripada 2.10 atau pada atau lebih daripada 2.25 pada bila-bila masa sepanjang tempoh rujukan.

### Apakah jumlah yang perlu dibayar balik?

Bank akan membayar Jumlah Pelaburan dan Jumlah Faedah dalam Mata Wang Pelaburan.

Jumlah Penebusan (GBP)

$$= \text{GBP } 500,000 + (\text{GBP } 500,000 \times 1\% \times 30/365)$$

$$= \text{GBP } 500,821.92$$

### Apakah pulangan keseluruhan?

Dalam semua kes di mana Bank membayar Jumlah Faedah dan Jumlah Pelaburan dalam Mata Wang Pelaburan, pulangan pelaburan adalah bersamaan dengan kadar faedah Pelaburan, yang dalam contoh ini adalah 1% setahun.

### Kesesuaian

Pelaburan ini sesuai bagi pelabur yang:

- mempunyai pendapatnya sendiri tentang pergerakan kadar pertukaran tertentu dan ingin mempergunakannya.
- selesa membuat pelaburan dengan pembayaran faedah yang sukar dijangka yang boleh mengakibatkan anda menerima kadar faedah yang lebih rendah daripada kadar faedah terpakai bagi deposit bermasa.
- sedia mengekalkan Pelaburan hingga Tarikh Matang Pelaburan. Pengeluaran awal tidak dibenarkan.
- selesa melabur dalam pelaburan jangka pendek yang terjejas oleh naik turun pasaran jangka pendek.

### Faktor Risiko

Faktor risiko yang mungkin terlibat adalah seperti di bawah:

- Kadar Pulangan yang tidak dapat diramal.
- Prestasi Pelaburan berkait dengan prestasi kadar pertukaran seperti Aset Rujukan. Kadar pertukaran amat sensitif kepada isu ekonomi, politik kebangsaan negara-negara konstituen, peristiwa antarabangsa dan dagangan spekulatif dalam mata wang.
- Kadar faedah yang diterima oleh anda kemungkinan kurang daripada kadar faedah deposit bermasa yang terpakai jika kadar hasil minima dibayar.
- tidak boleh dipindah milik dan tidak ada pasaran sekunder yang wujud untuknya.

#### **US Persons Disclaimer:-**

The Bank is not a registered broker-dealer under the U.S. Securities Exchange Act of 1934, as amended (the "1934 Act") and under applicable state laws in the United States. In addition, the Bank is not a registered investment adviser under the U.S. Investment Adviser Act of 1940, as amended (the "Adviser Act" and together with 1934 Act, the "Acts"), and under applicable state laws in the United States. Accordingly absent specific exemption under the Acts, any brokerage and investment advisory services provided by the Bank, including (without limitation) the products and services described herein are not intended for U.S. persons.

Without limiting the generality of the foregoing, the offering, sale and/or distribution of the products or services described herein is not intended in any jurisdiction to any person to whom it is unlawful to make such an offer, sale and/or distribution. The Bank cannot be held responsible for any damages or losses that occur from transactions and/or services in defiance with restrictions aforementioned.

The Bank reserves the right to make changes and corrections to the information in the brochure at any time, without notice. The Bank is the investment accepting entity.

#### **Penafian:**

Lembaran Fakta Produk ini bukanlah saranan atau nasihat pelaburan, dan dikeluarkan bagi tujuan maklumat sahaja, meskipun maklumat yang diberikan dipercayai boleh diharap. The Royal Bank of Scotland (dahulu dikenali sebagai ABN AMRO Bank Berhad) (301932-A) (Bank) tidak dapat menjamin ketepatan atau kesempurnaannya, dan tidak menerima sebarang tanggungjawab pun jua (termasuk sebarang kerugian yang ditanggung oleh mana-mana syarikat atau orang lain) yang diakibatkan oleh mana-mana syarikat atau orang lain yang melakukan dagangan berdasar maklumat ini. Tiada hak boleh diperolehi daripada penerbitan ini. Terdapat risiko yang terlibat dalam produk ini.

Dokumen ini diterbitkan bagi maklumat sahaja dan tidak mengambil kira keadaan pasaran, matlamat pelaburan khusus mana-mana orang spesifik yang mungkin menerima dokumen ini. Anda harus menentukan jika Tower Investment bersesuaian dengan matlamat kewangan, selera risiko dan situasi peribadi anda. Anda harus membuat penilaian kewangan anda sendiri tentang sifat relevan, ketepatan dan kecukupan maklumat yang disediakan dalam penerbitan ini bersama-sama dengan sebarang penyiasatan bebas yang mungkin dianggap perlu atau suaimanfaat bagi tujuan penilaian sedemikian.

Anda mungkin ingin meminta nasihat daripada penasihat kewangan berlesen atau berkecuali sebelum membuat komitmen untuk membeli produk ini. Sekiranya anda memilih untuk tidak mendapatkan nasihat daripada penasihat kewangan berlesen atau berkecuali, anda harus mempertimbangkan dengan hati-hati sama ada produk ini sesuai untuk anda.

#### **Penafian Orang AS -:**

Bank bukanlah broker-peniaga berdaftar di bawah U.S. Securities Exchange Act of 1934, seperti yang dipinda ("Akta Tahun 1934") dan di bawah undang-undang negeri yang diguna pakai di Amerika Syarikat. Di samping itu, Bank bukan penasihat pelaburan berdaftar di bawah U.S. Investment Adviser Act of 1940, seperti yang dipinda ("Akta Penasihat" dan bersama-sama dengan Akta Tahun 1934, "Akta-akta tersebut"), dan di bawah undang-undang negeri yang diguna pakai di Amerika Syarikat. Oleh itu, tanpa pengecualian khusus di bawah Akta-akta tersebut, sebarang brokeraj dan perkhidmatan penasihat pelaburan yang disediakan oleh Bank, termasuk (tanpa had) produk dan perkhidmatan yang diterangkan di dalam ini bukan bertujuan disediakan untuk orang-orang A.S.

Tanpa membataskan sifat am perkara yang disebut sebelum ini, tawaran, penjualan dan/atau pengedaran produk atau perkhidmatan yang diterangkan di dalam ini tidak bertujuan diberikan dalam mana-mana bidang kuasa kepada mana-mana orang yang mana tawaran, penjualan dan/atau pengedaran kepadanya adalah menyalahi undang-undang. The Royal Bank of Scotland tidak boleh dijadikan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan atau kerugian yang ditanggung daripada transaksi dan/atau perkhidmatan yang melanggar sekatan yang disebut sebelum ini.

Bank merizab hak untuk membuat pindaan dan pembetulan kepada maklumat dalam brosur ini pada bila-bila masa, tanpa sebarang notis. Bank merupakan entiti yang menerima pelaburan.

#### **WARNING:**

**THE RETURNS ON YOUR STRUCTURED PRODUCT INVESTMENT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSET/REFERENCE AND THE RECOVERY OF YOUR PRINCIPAL INVESTMENT MAY BE JEOPARDISED IF YOU MAKE AN EARLY REDEMPTION.**

#### **AMARAN:**

**PULANGAN TERHADAP PELABURAN PRODUK BERSTRUKTUR ANDA AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET/ RUJUKAN DASAR DAN JIKA ANDA MEMBUAT PENEBUSAN AWAL, PELUANG MENDAPATKAN KEMBALI PELABURAN PRINSIPAL ANDA MUNGKIN TERANCAM.**

To find out more about our products and services, please call or visit our website at [www.rbs.my](http://www.rbs.my)

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi kami atau lawat laman web kami di [www.rbs.my](http://www.rbs.my)

**Kuala Lumpur**  
Level 1 Menara Maxis  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2160 9888  
Fax : 03 2160 9993

**Johor Bahru**  
No 67 & 69 Jalan Molek 1/29  
Taman Molek  
81100 Johor Bahru, Johor  
Tel : 07 356 6888  
Fax : 07 356 6899

**Penang**  
No 9 Lebuh Pantai  
10300 Penang  
Tel : 04 255 9188  
Fax : 04 255 9189

**Sitiawan**  
No 95 Medan Sejahtera  
Jalan Lumut  
32000 Sitiawan, Perak  
Tel : 05 690 8888  
Fax : 05 690 8889

